

# LKEB tingkat usahawan Bumiputera di bandar

BH 2/10/2006

## Ambil alih peranan UDA bangun tanah bantu peniaga Melayu

Oleh Kalam Hadi

**J**OHOR BAHRU: Kabinet meluluskan penubuhan Lembaga Kemajuan Bandar (LKEB) yang akan bertanggungjawab meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan di kawasan bandar.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata rang undang-undang penubuhan LKEB yang diluluskan pada mesyuarat Kabinet Rabu lalu, akan dibentangkan pada sidang Parlimen Mac tahun depan.

"LKEB yang diletakkan di bawah kementerian saya, akan mengambil alih peranan dimainkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) sebelum ini terutama dalam membangunkan tanah di kawasan bandar untuk membantu peniaga Bumiputera," ka-

**“LKEB ambil alih peranan UDA dalam membangunkan tanah di kawasan bandar untuk membantu peniaga Bumiputera”**

**Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

tanya pada sidang akhbar selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Media di sini, malam kelmarin.

Mohamed Khaled berkata, LKEB yang akan mempunyai kuasa seperti diperuntukkan kepada UDA.

Katanya, UDA Holdings Bhd selepas diambil alih agensi pelaburan kerajaan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) akan diletakkan di bawah kawalan LKEB bagi memastikan tanggungjawab membantu peniaga Bumiputera di bandar dipenuhi.

"Kini UDA Holdings dalam proses pengambilalihan oleh Khazanah dan dikeluarkan daripada Bursa Malaysia serta dijadikan syarikat 100 peratus milik penuh Kementerian Kewangan," katanya.

Beliau berkata, UDA yang diswas-takan sebelum ini bagi membolehkannya bersaing dengan sektor swas-

ta, berjaya memainkan peranan membuka ruang perniagaan kepada Bumiputera, termasuk Kompleks Pertama dan Kompleks Bukit Bintang.

"Pada masa sama, ramai pegawai penting UDA berhijrah ke sektor swasta. Jadi kita tidak ada jalan lain melainkan menswastakannya untuk membolehkan UDA bersaing secara kompetitif," katanya.

Bagaimanapun, katanya, selepas diswasta dan disenarai di Bursa Malaysia, wujud masalah lain apabila UDA Holdings yang berperanan meningkatkan penyertaan Bumiputera, turut bertanggungjawab terhadap lembaga pengarah serta pemilik saham dan keuntungan menjadi keutamaan.

Katanya, penubuhan LKEB menggantikan peranan UDA untuk memastikan UDA Holdings terus menjadi sebuah syarikat.